



12 HARI 9 MALAM ITALI + NICE + MONACO + BARCELONA

Rome – Pisa – Florence – Modena – Venice – Bergamo – Milan – Serravalle – Nice – Cannes – Monaco – Barcelona

HARGA FIESTA

ALL-IN RM **8,890**

WARGA EMAS

ALL-IN RM **8,790**



MUSIM

Musim Bunga Mac - Mei
Musim Panas Jun - Ogos
Musim Luruh September - November
Musim Sejuk Disember - Februari



MATAWANG

Euro 1 € = RM4.78



PERBEZAAN WAKTU

Itali : -7 JAM
Nice : -7 JAM
Monaco : -7 JAM
Barcelona : -7 JAM



HOTEL PENGINAPAN

Destinasi	Bil. Malam	Hotel
ROME	1	Hotel Euro / setaraf
FLORENCE	1	Hotel Delta Florence / setaraf
MESTRE	2	Hotel Villa Giulietta / setaraf
MILAN	1	Hotel Comtur / setaraf
NICE	2	Hotel Kyriad Gare / setaraf
BARCELONA	2	Hotel City Park Sant Just / setaraf

LEANING TOWER OF PISA



HARI 1 KUALA LUMPUR – DOHA

Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk penerbangan ke Rome melalui Doha.

HARI 2 DOHA – ROME



Setibanya di Lapangan Terbang Leonardo Da Vinci, memulakan lawatan di sekitar kota **Rome** yang penuh dengan sejarah Western Roman Empire. Pertamanya melawat **Colosseum**, amphitheater kuno terbesar di negara ini yang berkapasiti 80,000 penonton untuk digunakan sebagai tempat keriaan dan perlawanan gladiator. Seterusnya berjalan sepanjang kesan peninggalan pusat pentadbiran, pemerintahan dan ekonomi kerajaan Roman di **Roman Forum** sebelum menuju ke **Altar of the Fatherland** yang dibina pada tahun 1885 bagi memperingati Raja Itali yang pertama, Victor Emmanuel. Di kawasan ini jugalah terletak peninggalan **Trojan's Column** dan **Trojan's Market**. Selesai berfoto di situ, tetamu akan dibawa melawat ke **Trevi Fountain** iaitu salah satu kolam air pancut yang terkenal di dunia kerana keindahan seni binaannya dan juga **Spanish Steps** iaitu 135 anak tangga yang terletak di kawasan tumpuan ramai di **Piazza Di Spagna**. Selesai lawatan di tengah kota Rome ini, tetamu akan dibawa melawat ke negara yang terkecil di dunia iaitu **Vatican City** di mana tetamu akan dibawa singgah di **St. Peter Basilica** yang merupakan gereja utama menempatkan Ketua Agama Kristian Katolik, Pope tinggal dan berurusan. Menariknya di sini, tetamu akan berpeluang untuk melihat pakaian Swiss Army (tentera rasmi negara ini) yang cukup unik. Bersolat di **Mosque of Rome** yang dibina pada tahun 1994. Menariknya masjid ini dahulunya merupakan masjid yang terbesar di benua Eropah sebelum siangnya Cathedral Mosque di Moscow. Makan malam di restoran sebelum menuju ke hotel.

HARI 3 ROME – PISA – FLORENCE



Bersarapan pagi di hotel. Bertolak ke **Pisa** dan sefibanya di sana, tetamu berpeluang melawat dataran Tapak Warisan Dunia UNESCO yang cukup unik dipanggil **Square of Miracles** di mana menempatkan menara condong yang cukup terkenal iaitu **Leaning Tower of Pisa** yang dibina pada tahun 1173 dan kekal bertahan sehingga ke hari ini selain dari bangunan-bangunan lain yang cukup gah binaannya seperti **The Duomo**, **The Pisa Baptistery**, **New Hospital of Holy Spirit** dan **Monumental Cemetery**. Seterusnya, bertolak ke Florence yang cukup terkenal dengan pembuatan barangan berasaskan kulit. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel sefibanya di kota ini

HARI 4 FLORENCE – MODENA – MESTRE



Setelah bersarapan, tetamu akan dibawa melawat tarikan sekitar kota **Florence**. Lawatan akan dimulakan di **Piazzale Michelangelo** di

mana tetamu akan dapat menikmati pemandangan indah seluruh kota Florence dari atas bukit yang turut menempatkan arca gangsa ukiran artis tersohor, Michelangelo. Seterusnya, melawat Tapak Warisan Dunia UNESCO iaitu **Piazza del Duomo** yang menempatkan **Il Duomo Di Firenze** iaitu gereja utama binaan 1436 yang mempunyai kubah yang kedua terbesar di dunia, **Baptistry of St. John** yang berbentuk oktagon merupakan antara binaan tertua di kota ini yang dibina pada tahun 1059 dan **Giotto's Campanile** yang merupakan menara loceng setinggi 85m. Antara tarikan lain ialah **Palazzo Vecchio** yang merupakan pusat pemerintahan kuno datuk bandar Florence sejak tahun 1299, **Basilica Di Santa Croce** iaitu sebuah gereja yang turut dipanggil Temple of the Italian Glories di mana tokoh-tokoh seperti Michelangelo dan Galileo disemadikan dan **Marcato Centrale**, sebuah pasar yang terdapat puluhan peniaga menjual barangan terutamanya buatan kulit. Seterusnya bertolak menuju ke **Modena** untuk melawat **Ferrari Museum** yang terletak di kampung halaman pengasasnya di Maranello, yang juga merupakan tempat asal penyanyi soprano terkenal Itali, Luciano Pavarotti. Muzium ini menempatkan galeri kereta-kereta yang dihasilkan oleh Enzo Ferrari dari dahulu hingga yang terkini termasuklah galeri perlumbaan yang disertai pasukan Ferrari. Kemudian bertolak ke Mestre dan makan malam di restoran sefibanya di sana sebelum mendaftar masuk hotel.

HARI 5 MESTRE - VENICE - MESTRE



Sarapan pagi di hotel. Seterusnya tetamu akan dibawa menaiki bot dari **Tronchetto Pier** ke kepulauan **Venice** yang terkenal dengan gelaran kota romantik. Memulakan lawatan di sekitar **San Marco Square** yang menempatkan **San Marco Basilica** iaitu sebuah gereja utama berekabentuk ciri Byzantine, **Doge's Palace** yang dahulunya merupakan pusat pentadbiran dan mahkamah kota ini yang kini merupakan sebuah muzium, **Bridge of Sighs** iaitu sebuah jambatan terkenal menyambungkan **Doge's Palace** dengan penjara, **San Marco Campanile** iaitu menara loceng setinggi 99m dibina pada tahun 1549 dan juga **The Clock Tower**, sebuah menara jam loceng binaan tahun 1496. Selain itu, tetamu berpeluang berfoto dengan ikon kota Venice iaitu **Rialto Bridge** yang merentasi **Grand Canal** dan menghubungkan antara San Marco dan San Polo sejak tahun 1181. Selain itu, tetamu juga berpeluang untuk membeli buah-buahan di **Rialto Market** dan barangan buatan kaca di **Murano Glass Factory** sambil melihat proses pembuatannya. Dengan bayaran tambahan sebanyak EUR25 seorang, tetamu berpeluang untuk menaiki bot Gondola yang cukup terkenal di kota ini menyusuri terusan-terusan (canal). Menaiki bot menuju semula ke Tronchetto Pier pada lewat petang untuk makan malam di restoran sebelum pulang semula ke hotel.

HARI 6 MESTRE – BERGAMO – MILAN



Selepas sarapan pagi, bertolak menuju ke sebuah kota lama di atas puncak bukit iaitu **Bergamo**. Sefibanya di sana, tetamu akan dibawa menaiki keretapi funicular seperti yang terdapat di Pulau Pinang ke puncak bukit **Citta Alta**. Kemudian tetamu akan dibawa melawat ke **Piazza Vecchia**,



COLOSSEUM

sebuah dataran di pusat kota ini yang dikelilingi dengan bangunan-bangunan lama seperti **Palazzo Della Ragione** iaitu sebuah istana yang dibina pada kurun ke-12, **Torre Civica** iaitu sebuah menara loceng setinggi 43m dan **Contarini Fountain**, kolam air pancut yang dihiasi dengan ukiran marmar putih berbentuk singa yang menjadi mercu tanda di tengah-tengah kawasan ini. Kemudian bersolat di **Centro Islamico Milano** yang merupakan sebuah masjid dan pusat dakwah Islamiah yang penting di Milan. Perjalanan diteruskan ke kota metropolitan **Milan** dan melawat **Strozesco Castle**, sebuah istana yang dibina di atas kubu peninggalan dari kurun ke-14; **Milan Cathedral**, sebuah gereja binaan Gothic yang menjadi ikon kota ini; **Monument Victor Emmanuel II**; **Teatro Alla Scala** yang menempatkan persembahan teater opera yang paling terkenal di dunia sejak tahun 1778 sebelum tetamu diberi peluang untuk membeli-belah di butik-butik terkenal yang terdapat di **Galleria Vittorio Emanuele II** seperti Prada, Louis Vuitton, Versace atau di sepanjang jalan **Corso Vittorio Emanuele II**. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

antarabangsa. Seterusnya, tetamu akan dibawa bersiar-siar di sekitar kota Nice dan berfoto di **Promenade De Anglais**, **Place Massena** atau membeli-belah di **Galeries Lafayette** yang terletak di **Avenue Jean Medecin**. Melawat tugu **Monument Aux Morts** yang didedikasikan untuk penduduk Nice yang terkorban semasa WWI sebelum makan malam di restoran dan pulang ke hotel.

**HARI 9
NICE - BARCELONA**



Bertolak menuju ke Barcelona selepas sarapan pagi. Setibanya di sana, makan malam citarasa Malaysia di sebuah restoran milik rakyat Malaysia sebelum daftar masuk hotel.

**HARI 10
BARCELONA**



Sarapan pagi di hotel. Kemudian melawat tarikan-tarikan utama di sekitar kota **Barcelona** yang cukup terkenal dengan senibinanya yang cukup unik. Contohnya **La Sagrada Familia** yang merupakan gereja Katolik terbesar di daerah Catalunya yang dibina pada tahun 1882 dengan 18 buah menara yang cukup unik dan **Park Guell** yang dibina pada tahun 1914 yang sepatutnya menjadi kawasan kediaman elit pembesar-pembesar di kota ini. Tarikan-tarikan lain yang terdapat di kota ini ialah **La Monumental** yang dahulunya merupakan sebuah stadium melangsungkan perlawanan antara sang matador dan lembu jantan, **Arc de Triomf** yang dibina sebagai pintu masuk utama ketika 1888 Barcelona World Fair, mengambil foto kolam air pancut yang tersergam indah di **Citadel Park** dan **Port Olimpic** yang merupakan kawasan marina yang dibina khas ketika Barcelona menjadi tuan rumah Sukan Olimpik 1992. Tetamu kemudiannya bebas untuk bersiar-siar di sekitar **Placa De Catalunya**, **La Rambla** dan **Gothic Quarter** yang merupakan segi tiga hab komersil kota ini sebelum dibawa melawat ke **Camp Nou Stadium** yang merupakan stadium rasmi pasukan bola sepak FC Barcelona yang membariskan antara pemain terbaik dunia seperti Leo Messi, Andreas Iniesta, Luis Suarez dan lain-lain. Tetamu berpeluang bergambar di stadium ini dan membeli cenderamata kelab ini di **FCBotiga Megastore**. Makan malam citarasa Malaysia sebelum pulang ke hotel.

**HARI 7
MILAN - SERRAVALLE -
EZE VILLAGE - NICE**



Sarapan pagi di hotel dan bertolak ke **Serravalle**. Masa untuk membeli-belah di **McArthurGlenn Designer Outlet** yang merupakan gedung pusat barangan berjenama yang terbesar di dunia. Antara jenama yang boleh didapati di sini seperti Prada, Gucci, Armani, MK, Polo, Paul Smith dan banyak lagi dengan harga diskaun yang cukup lumayan. Perjalanan diteruskan ke kota percutian selebriti terkenal antarabangsa **Nice**. Singgah di **Eze Village** untuk melawat **Galimard Parfume Factory** di mana tetamu berpeluang menghasilkan minyak wangi mengikut citarasa sendiri. Makan malam di restoran sebelum menuju ke hotel.

**HARI 8
NICE - CANNES - MONACO**



Usai menikmati sarapan pagi di hotel, lawatan akan dimulakan ke **Cannes** yang terkenal dengan Festival Film Antarabangsa Cannes yang berlangsung di **Palais des Festivals** sejak tahun 1946 lagi sambil bersiar-siar di **Boulevard Del Al Croisette**. Kemudian, menuju ke sebuah lagi antara negara terkecil di dunia namun dikategorikan sebagai negara paling mewah, **Monaco** yang cukup tersohor sebagai rumah kepada sukan lumba kereta F1 Grand Prix. Tetamu akan dibawa melawat ke kawasan **Rock of Monaco** yang menempatkan **Prince's Palace of Monaco**, istana rasmi kediaman Putera Monaco dan sekiranya berkesempatan melihat upacara pertukaran pengawal dan juga merupakan lokasi terbaik untuk mengambil pemandangan indah kota Monaco; berfoto di luar **Museum Oceanographic Monaco** yang tersergam indah; **Jardins De St. Martin** yang direka bagi memperingati ibu Putera Monaco yang juga merupakan bintang Hollywood suatu masa dahulu iaitu Grace Kelly dan **St. Nicholas Cathedral** yang menempatkan makam diraja. Tetamu kemudiannya akan dibawa berfoto di **Monte Carlo Casino Square** yang merupakan tempat kegemaran bersantai tokoh-tokoh dan selebriti-selebriti

**HARI 11
BARCELONA - DOHA**



Selepas sarapan pagi dan daftar keluar hotel, bertolak menuju ke **La Roca Village** untuk membeli-belah barangan jenama terkenal seperti Armani, Burberry, Gucci, Fred Perry, Furla dan banyak lagi dengan kadar diskaun sehingga 60% sebelum berangkat menuju ke lapangan terbang untuk menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

**HARI 12
DOHA - KUALA LUMPUR**

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).



12 Sep 2019



KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 9,690	RM 11,090	RM 8,790	RM 7,490	RM 6,690
Warga Emas	RM 9,490	RM 10,890			
FIESTA	RM 8,990	RM 10,390	RM 8,090	RM 6,790	RM 5,990
Warga Emas	RM 8,890	RM 10,290			

28 Nov | 5* Dis 2019
Surcaj *RM100



KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 9,690	RM 11,090	RM 8,790	RM 7,490	RM 6,690
Warga Emas	RM 9,490	RM 10,890			
FIESTA	RM 8,890	RM 10,290	RM 7,990	RM 6,690	RM 5,890
Warga Emas	RM 8,790	RM 10,190			

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	QR 849	K. LUMPUR - DOHA	2050	2255
02	QR 115	DOHA - ROME	0145	0620
11	QR 142	BARCELONA - DOHA	2230	0540 + 1
12	QR 852	DOHA - K. LUMPUR	0855	2120

Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan segala cukai penerbangan.
- Hotel penginapan bertaraf 4* sepanjang lawatan (rujuk senarai hotel ditawarkan).
- Cukai bandar (city tax) di Rome, Florence, Venice, Milan, Nice dan Barcelona.
- Sarapan pagi di hotel dan makan malam sesuai Muslim sepanjang lawatan.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Ferrari Museum dan Park Guell.
- Pengangkutan bot persendirian ke Venice dan tiket keretapi funicular di Bergamo.
- Pengangkutan bus persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman.
- Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bus persiaran.
- Ketua rombongan yang terlatih profesional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Percuma edisi beg kembara khas (kecuali bayi) Wan Vacation Sdn. Bhd
- Elaun bagasi (check-in) 30kg dan bagasi kabin 7kg

Pakej Tidak Termasuk

- Bayaran bagi menaiki bot Gondola di Venice.
- Insurans kembara (travel insurance) - sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
- Surcaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam tarikh perlepasan).
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebih had bagasi yang dibawa.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.



FERRARI MUSEUM